

PERATURAN PEPERIKSAAN AKHIR – FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Semua pelajar adalah diingatkan untuk mematuhi peraturan peperiksaan seperti yang dinyatakan di bawah. Kegagalan pelajar untuk mematuhi peraturan peperiksaan ini mungkin akan menyebabkan pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan, atau diminta meninggalkan dewan peperiksaan dengan serta-merta.

PERINGATAN DAN PERATURAN PEPERIKSAAN

Etika pakaian:

1. Pelajar yang tidak berpakaian kemas tidak akan diterima masuk ke dewan peperiksaan. Pelajar adalah diminta mematuhi kod pakaian Universiti.
2. Slipper, skirt / seluar pendek, baju tanpa lengan **TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI**.
3. Anda mungkin diminta untuk menukar pakaian jika Ketua Pengawas tidak berpuas hati di mana pakaian tidak mematuhi etika berpakaian.

Sebelum peperiksaan:

1. Anda dinasihatkan untuk datang 15 minit lebih awal. Mana-mana pelajar yang datang 30 minit selepas peperiksaan bermula, tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.
1. Anda dikehendaki membawa **SLIP PEPERIKSAAN dan KAD MATRIK / KAD PENGENALAN (IC)** setiap kali menduduki peperiksaan. Letakkan slip peperiksaan dan kad matrik / Kad Pengenalan di bahagian atas kanan meja peperiksaan anda untuk pengesahan pengenalan semasa pemeriksaan dijalankan.
2. Anda diingatkan untuk **TIDAK MENULIS APA-APA ATAU SIMBOL PADA SLIP PEPERIKSAAN** sama ada ia berkaitan atau tidak berkaitan dengan peperiksaan.
3. Anda tidak dibenarkan untuk membawa bekas pensil, sebarang kertas dari luar atau apa-apa yang tidak dibenarkan oleh pengawas peperiksaan.
4. Barang berharga seperti beg duit dan telefon bimbit perlu disimpan di dalam poket anda atau di atas lantai di bawah meja anda. Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan mana-mana barang milik pelajar di dalam atau di luar dewan peperiksaan.

Semasa peperiksaan:

1. Telefon bimbit hendaklah dimatikan dan tidak boleh digunakan semasa pemeriksaan.
2. Apabila masuk ke dewan peperiksaan, anda diminta senyap dan mengambil tempat duduk dengan sopan. Anda tidak dibenarkan untuk bercakap.
3. Sebaik sahaja anda telah memasuki dewan peperiksaan, anda tidak dibenarkan meninggalkan dewan pada 30 minit pertama selepas peperiksaan bermula dan 30 minit terakhir sebelum peperiksaan tamat.
4. Jika anda diberi kebenaran untuk meninggalkan dewan buat sementara waktu, anda mesti ditemani dengan seorang pengawas sepanjang ketiadaan anda dari dewan peperiksaan. Anda dikehendaki meninggalkan telefon bimbit di atas meja apabila meninggalkan dewan sementara. Kebenaran untuk meninggalkan dewan semasa peperiksaan bukan hak pelajar dan ia bergantung kepada pertimbangan pengawas peperiksaan.
5. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa skrip jawapan anda diserahkan pada akhir peperiksaan. Jika anda hadir untuk peperiksaan tetapi tidak menghantar kertas jawapan anda, anda akan dianggap telah menduduki dan gagal peperiksaan berkenaan.
6. Pada akhir peperiksaan, pelajar dikehendaki berhenti menulis dengan segera dan duduk dengan senyap semasa skrip jawapan sedang dikumpul dan dikira.
7. Anda tidak dibenarkan untuk berkomunikasi dengan calon-calon lain atau memberi atau menerima apa-apa (ini termasuk semasa skrip jawapan dikutip).
8. Calon yang disyaki menipu dalam peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib. Semua bahan-bahan dan / atau peranti yang didapati melanggar mana-mana kaedah dan peraturan peperiksaan akan dirampas.
9. Pelajar hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Ketua Pengawas.

Pelajar yang tidak hadir peperiksaan:

1. Jika anda telah mendaftar kursus tetapi tidak menghadiri peperiksaan, anda dianggap telah menduduki dan gagal peperiksaan kecuali Fakulti berpuas hati bahawa ada sebab yang baik yang menyebabkan anda tidak hadir semasa peperiksaan. (biasanya hanya kes kecemasan kritikal sahaja yang dipertimbangkan)
2. Pelajar yang gagal hadir kerana kesihatan atau kes-kes kecemasan kritikal yang lain perlu menghantar bukti rasmi kepada Dekan atau Timbalan Dekan (Prasiswazah) tidak lewat daripada 48 jam selepas peperiksaan dijalankan.